

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JOP452 – Pengurusan Sumber Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

JAWAB SEMUA SOALAN.**SOALAN 1 (20 markah)****MINI KES: MUSAFIR DI AUSTRALIA**

Hotel Everpool ialah sebuah hotel bertaraf lima bintang, berstatus antarabangsa dan mempunyai jumlah pekerja yang melebihi 20 ribu orang. Hotel Everpool menceburi bidang perhotelan semenjak tahun 2002. Mereka mempunyai cawangan di Thailand, Indonesia, Australia dan Jepun. Pada bulan Februari, 2016, Encik Mohd Sallah telah dihantar ke negara Australia untuk mengetuai cawangan hotel di sana. Sebagai seorang pengurus hotel di Perth, Australia, Encik Mohd Sallah telah berjaya menjadi pengurus yang berjaya menaikkan nama hotel Everpool di Australia.

Encik Mohd Sallah, berusia 40 tahun, berasal dari Alor Setar, Kedah. Beliau sudah berkeluarga dan mempunyai seorang anak lelaki berusia lapan tahun. Isteri beliau ialah seorang guru tadika. Sepanjang berada di Perth Australia, beliau dan keluarganya menghadapi banyak cabaran dari segi pemahaman budaya Australia dan juga penyesuaian beliau dan keluarganya dengan masyarakat tempatan, lebih-lebih lagi, cabaran kerjaya isterinya dan cabaran persekolahan yang dihadapi oleh anak lelakinya.

Encik Mohd Sallah termenung sendirian memikirkan tentang susah-payah beliau dan keluarganya dalam mengharungi setiap cabaran kerjaya beliau di Perth, Australia. Masa berlalu begitu pantas, pada tanggal 1hb Februari 2019, cukuplah tiga tahun Encik Mohd Sallah dan keluarganya berada di Perth, Australia. Kini, beliau menghela nafas lega kerana beliau dan keluarganya berjaya menyesuaikan diri di Perth, Australia dan kerjaya beliau semakin cemerlang.

- (a). Berdasarkan kes di atas, bincangkan **EMPAT (4)** langkah yang perlu untuk menjayakan penghantaran pengurus ke luar negara.

(16 markah)

- (b). Berdasarkan kes di atas, sarankan **SATU (1)** jenis latihan yang boleh dijalankan oleh Jabatan Sumber Manusia di Hotel Everpool sebagai persediaan kepada Encik Mohd Sallah, sebelum beliau berangkat ke Perth, Australia pada tahun 2016?

(4 markah)

3/-

SOALAN 2 (20 markah)

OJT ataupun '*On the job training*' ialah salah satu kaedah yang digunakan untuk melatih pekerja di sesebuah organisasi. Kaedah ini memerlukan tenaga pengajar yang cekap dan mempunyai kebolehan untuk mengajar.

(a). Terangkan kebaikan melakukan OJT (*On the job training*)?
(4 markah)

(b). Bincangkan **EMPAT (4)** langkah yang perlu untuk mejayakan OJT.
(16 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

(a). Terangkan **DUA (2)** sebab utama penilaian prestasi dilaksanakan.
(10 markah)

(b). Huraikan **DUA (2)** jenis temuduga yang diklasifikasikan mengikut kandungan soalan temuduga tersebut. Berikan contoh untuk setiap jawapan anda.
(10 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

Anda perlu memahami **KESEMUA** peringkat dalam perancangan kerjaya. Bincangkan **KESEMUA** peringkat kerjaya (*career stage*).

SOALAN 5 (20 markah)

Bincangkan **EMPAT (4)** kriteria keputusan yang perlu dipertimbangkan oleh seorang pengurus dalam proses kenaikan pangkat seseorang pekerja.